

**UCAPAN DASAR SDR. MAH SIEW KEONG**  
**PRESIDEN NASIONAL PARTI GERAKAN RAKYAT MALAYSIA (GERAKAN)**  
**PERSIDANGAN PERWAKILAN NASIONAL KE-45, 2016**  
**AHAD, 9 OKTOBER 2016**

Saya ingin mengucapkan setinggi-tinggi penghargaan kepada para hadirin yang menghadiri Persidangan Perwakilan Nasional (NDC) Parti Gerakan Rakyat Malaysia yang Ke-45 ini. Kami amat berbesar hati dengan kehadiran rakan-rakan daripada Barisan Nasional (BN), wakil-wakil kedutaan asing, pertubuhan bukan kerajaan NGO serta rakan-rakan media. Saya mengalu-alukan kehadiran perwakilan serta mengucapkan jutaan terima kasih kepada semua pihak yang telah bekerja keras dan bertungkus lumus bagi memastikan kejayaan NDC pada tahun ini.

**A. CABARAN DAN PELUANG**

- A1. Pada tahun lepas, saya mengulas bagaimana kita harus menangani pergolakan dalam dunia kita. Dalam tempoh setahun kebelakangan ini, cabaran telah menjadi semakin membimbangkan. Kita kini berhadapan dengan kemelesetan pertumbuhan ekonomi global, kejatuhan harga komoditi, serangan pengganas di Asia, Eropah, mahupun Amerika Syarikat, sikap tidak bertoleransi terhadap kaum dan agama yang semakin meningkat serta ketidaksamaan pendapatan yang semakin teruk. China juga mengalami kelembapan dalam pertumbuhan ekonominya. Dalam Kesatuan Eropah (EU), krisis hutang berterusan, kadar pengangguran kekal tinggi, dan pelaburan masih rendah. Kadar pertumbuhan dijangka turun hingga 1.6% dan negara-negara anggota masih terus bergelut.
- A2. Malaysia tidak terkecuali daripada semua krisis dan cabaran tersebut, kerana kita mengamalkan ekonomi dan masyarakat terbuka yang berkait rapat dengan seluruh dunia kerana kemajuan komunikasi dan pengangkutan. Namun begitu, Malaysia masih terus menikmati pertumbuhan ekonomi yang sihat sebanyak 4.1% pada separuh pertama tahun 2016. Kita terus mengekalkan lebihan dagangan walaupun pertumbuhan ekonomi rakan-rakan dagangan utama kita telah menjadi perlahan. Walaupun berlaku

penurunan dalam pendapatan kerajaan, kita dapat mengekalkan defisit fiskal pada 3.1% daripada Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK). Ini semua menguatkan lagi keyakinan pasaran terhadap pengurusan ekonomi oleh kerajaan kita.

- A3. Malaysia juga terlindung daripada serangan Negara Islam Iraq dan Syria (Daesh). Daesh tidak menghormati amalan hidup, kepercayaan dan nilai-nilai kita dan mereka sama sekali tidak melambangkan Islam. Namun begitu, kita masih perlu mengambil serius akan ancaman ini. Polis telah membanteras beberapa serangan yang dirancang dan kita terutang budi kepada mereka yang sentiasa memastikan keselamatan kita. Malaysia akan terus mara ke hadapan kerana penggubalan dasar yang bernes dan berfokus serta komitmen daripada seluruh rakyat Malaysia supaya memastikan negara kita kekal aman dan harmoni.
- A4. Kerjasama serantau di ASEAN dan Komuniti Asia Timur terus meraih momentum. Ini amat berbeza dengan arah aliran di Eropah dan Amerika Syarikat di mana pergerakan sayap kanan ekstremis telah mendapat tempat buat pertama kali sejak Perang Dunia II. Keputusan United Kingdom untuk meninggalkan Kesatuan Eropah, didorong oleh keimbangan terhadap para pelarian, serta kemunculan Donald Trump di Amerika Syarikat yang memberi cabaran kepada penggubal dasar yang telah lama menjuarai perdagangan dunia, kerjasama serantau, keterbukaan dan toleransi.
- A5. Suara-suara perbalahan semakin meningkat dalam apa yang dipanggil sebagai demokrasi yang matang di mana kuasa-kuasa politik, kiri dan kanan, bergerak ke arah yang menyimpang. Jelaslah kepada kita bahawa negara-negara ini telah gagal untuk menerima kepelbagaian budaya secara mapan, tidak seperti Malaysia.
- A6. Peluang terus terbuka luas kepada Malaysia dan rakyat Malaysia oleh kerana konsep perkongsian kuasa dan keterangkuman Barisan Nasional (BN) berdasarkan kesederhanaan kekal sebagai formula terbaik untuk Malaysia. Ini telah terbukti menjadi asas kukuh untuk pertumbuhan kita sebagai sebuah

negara selama ini. Tun Tan Siew Sin dan Tun Sambathan, walaupun merupakan anggota komuniti minoriti, telah memegang jawatan penting dalam Kabinet negara kita pada tahun 50'an dan 60'an sebelum rakyat Amerika Afrika di Amerika Syarikat dapat mengundi atau Kabinet Australia, United Kingdom mahupun Kanada mempunyai sebarang perwakilan minoriti. Sudah tiba masanya rekod dan pengalaman kita dahulu mengenai keharmonian dalam kepelbagaian terus diperkuuhkan supaya terus kekal sebagai teladan bagi dunia. Maka akan sampai masanya Dunia Barat mengamalkan Dasar Pandang ke Timur.

**B. KESEDERHANAAN: TINDAKAN MENDAHULUI PERCAKAPAN**

- B1. Ketika dunia memerangi ekstremisme dari Daesh dan kebangkitan parti nasionalis sayap kanan di Eropah, Amerika Syarikat dan negara-negara lain, keperluan untuk menegak kesederhanaan menjadi keutamaan. Kesederhanaan mungkin kedengaran membosankan tetapi ia adalah satu-satunya cara agar kita dapat hidup di dunia berbilang kutub dan pelbagai budaya.
- B2. Gerakan tetap berpendirian teguh agar pelaksanaan Undang-undang Jenayah Islam atau Hudud tidak sesuai untuk negara kita dan tidak sepatutnya dijadikan sebahagian daripada agenda BN. Malaysia tidak akan dapat bertahan sebagai sebuah negara yang bersatu-padu, progresif dan moden sekiranya kita mempunyai dua sistem kehakiman jenayah. Pembahagian antara undang-undang sivil dan Islam adalah amat jelas ketika kita mencapai kemerdekaan dan ianya mestilah kekal sedemikian. Sejarah mengingatkan kita, apabila agama dan politik dicampur-adukkan untuk melahirkan fahaman populis sementara, ia merupakan projek yang pasti gagal dengan kesan-kesan yang akan melemahkan negara.
- B3. Pindaan Akta Mahkamah Syariah (Bidang Kuasa Jenayah) 1965 [Akta 355] tidak boleh digunakan sebagai satu cubaan pintu belakang untuk melaksanakan undang-undang jenayah Islam. PAS perlu berterus terang, terbuka, jujur dan ikhlas dalam cubaan untuk meminda Akta 355. Pindaan

Akta 355 yang dicadangkan oleh PAS adalah kurang jelas dan memberi kuasa hampir mutlak untuk menjatuhkan hukuman dan ini boleh membuka ruang kepada penyalahgunaan. Saya ingin mengulangi bahawa kami menghormati Islam sebagai agama Persekutuan, namun begitu adalah menjadi tanggungjawab di sisi perlembagaan untuk seluruh rakyat Malaysia menghormati kebebasan beragama.

- B4. Selain itu, pihak polis mesti mengambil tindakan terhadap mereka yang mengungkapkan kenyataan-kenyatan sensitif, meskipun mereka adalah penyokong kita, kerana kedaulatan undang-undang hanya dapat berfungsi sekiranya ianya digunakan secara sama rata untuk semua. Sesiapa yang mengeluarkan kenyataan yang boleh mengipas perasaan benci harus berdepan dengan tindakan undang-undang.
- B5. Dalam konteks ini, saya menyeru kepada semua parti politik, kawan dan lawan, supaya menyertai pergerakan kita untuk sebuah Malaysia yang sederhana. Dalam tempoh sambutan Hari Kebangsaan dan Hari Malaysia, Gerakan telah melancarkan beberapa inisiatif untuk menggalakkan interaksi di kalangan pelbagai kumpulan etnik. Kita menggalakkan penubuhan Facebook berkumpulan, kumpulan sembang Whatsapp dan Wechat pelbagai kaum, forum dan perbincangan; supaya kita boleh belajar dan lebih menghargai antara satu sama lain. Usaha-usaha untuk membina dan mengekalkan sebuah negara Malaysia yang bersatu padu adalah komitmen sepenuh masa bagi setiap rakyat Malaysia. Kita perlu mengamalkan kesederhanaan di rumah, di kejiraninan, di sekolah, di tempat kerja, dalam politik serta di kalangan masyarakat sivil. Dalam hal memupuk kesedaran, kita memerlukan lebih tindakan mendahului percakapan.

### C. **BAJET 2017: BAJET UNTUK RAKYAT**

- C1. Gerakan telah membuat beberapa cadangan untuk Bajet 2017. Kami faham bahawa pendapatan asas negara telah merosot akibat kejatuhan harga minyak mentah. Oleh itu, Gerakan sepenuh hati menyokong usaha kerajaan untuk memperkuatkannya serta mengoptimumkan perbelanjaan kerajaan

dengan menghapuskan pembaziran di samping menggunakan teknologi. Ini akan memberi manfaat untuk jangka masa panjang.

- C2. Gerakan menyeru supaya ditubuhkan Biasiswa Nasional yang akan dibiayai melalui menaikkan cukai sebanyak 1% kepada semua rakyat Malaysia yang berpendapatan lebih daripada RM 1 juta serta syarikat yang berpendapatan lebih daripada RM 300 juta. Biasiswa Nasional baru ini mestilah dianugerahkan berdasarkan merit semata-mata. Kita mesti berdaya sedaya untuk menahan bakat yang ada. Penerima biasiswa ini mesti kembali untuk berkhidmat dengan kerajaan selama sepuluh (10) tahun dan mereka inilah merupakan generasi pemimpin-pemimpin politik, ekonomi dan sosial bagi masa akan datang.
- C3. Dalam usaha untuk meningkatkan kecairan dalam sistem kewangan, saya percaya kerajaan patut menggalakkan rakyat Malaysia yang menyimpan dana mereka di luar negara untuk membawa pulang wang mereka untuk tujuan pelaburan dan penggunaan dalam negeri, dengan membayar cukai rata hanya sebanyak 10% yang dijanakan oleh program pengampunan akan membolehkan bank menawarkan lebih banyak pinjaman, terutamanya kepada pembeli rumah.

**D. BARISAN NASIONAL: SEBUAH BARISAN REFORMIS PERLU PEMBAHARUAN TAMBAHAN**

- D1. Dua tahun kebelakangan ini adalah sukar kepada BN. Kawan telah menjadi lawan. Mereka yang kita amanahkan dengan kuasa dan kepercayaan rupanya akhirnya menjadi serigala dalam luaran kambing. Perdana Menteri dan kerajaan diserang oleh mereka yang pernah kita sokong.
- D2. Akan tetapi, kini penghalang kepada agenda reformis BN telah keluar dari BN, sudah tiba masanya untuk kita mempercepatkan agenda reformis bagi memastikan Malaysia kekal di landasan yang betul bagi kita merangkul cabaran 50 tahun akan datang. Kita mesti berani menghadap arus

perubahan kerana rakyat akan menyokong sekiranya kita membuat keputusan yang tepat.

- D3. Saya percaya fasa pertama program transformasi sosial, politik, ekonomi dan kerajaan telah membawa hasil yang agak menggalakkan. Ekonomi kita terus berkembang meskipun dalam kelembapan global. Kemiskinan berjaya dikurangkan. Kita telah memperkenalkan gaji minimum dan membina jaringan keselamatan sosial yang berdaya maju. Kita telah meningkatkan pengangkutan awam dalam bandar dengan pembinaan MRT dan sambungan LRT. Kita telah menyediakan jalan raya, air, elektrik dan perumahan yang baik untuk kawasan luar bandar. Pelaburan asing terus kukuh dan para pelabur mempunyai keyakinan terhadap pengurusan negara kita.
- D4. Namun lebih dari itu, setelah hampir 60 tahun, BN perlu duduk dan berfikir dengan sebaik yang boleh bagaimana ia mahu terus kekal relevan untuk 50 tahun akan datang. Satu pengajaran pahit kepada kami dalam Gerakan adalah, berehat atau bergantung kepada kejayaan masa lalu tidak akan meyakinkan pengundi untuk terus menyokong kita, memandangkan mereka kini lebih termaklum dan mendesak terhadap kerajaan. Retorik masa lampau tidak lagi bermakna kerana ketidakyakinan etnik telah beralih ke keimbangan yang lebih besar terhadap kehidupan dan kemampanan. Oleh itu, kita mesti membina wawasan baru untuk Malaysia.
- D5. Satu wawasan yang cergas, progresif dan bercita-cita tinggi. Satu wawasan yang akan menggilap kredibiliti pembaharuan BN dan memberi rakyat keyakinan bahawa hari terbaik kita akan tiba. Dalam wawasan ini, semua rakyat Malaysia harus mempunyai peranan supaya kita boleh membina secara kolektif satu masa depan yang akan dikongsi bersama. Justeru itu saya menyeru kepada kerajaan untuk menujuhkan Majlis Perundingan Negara yang terdiri daripada pakar bidang politik, akademik, kerajaan, organisasi sosial dan sektor korporat untuk duduk bersama supaya merangka piagam baru. Sudah tiba masanya untuk kita berbahas atas perbezaan kita

dengan ikhlas dan secara serius supaya membina persefahaman dan menjadikan kepelbagaian kita kekuatan sebenar.

- D6. Kita juga perlu mengadakan perundingan yang segera bagi penyatuan BN. Kita mesti mengadakan perdebatan yang telus sama ada model politik yang berasaskan kaum masih relevan selepas 59 tahun. Perbezaan etnik mesti tunduk kepada aspirasi negara. Nasionalisme Malaysia adalah gambaran masa depan Malaysia, bukannya ethnocentrisme. Hal-hal inilah merupakan kesukaran realiti sebenar yang kita mesti mengharungi dalam usaha untuk memastikan kerelevan politik kita kini dan pada masa depan.

**E. PAKATAN HARAPAN RAKYAT: JUAL HARAPAN PALSU MEMBAWA KEPADA KEGAGALAN**

- E1. Meskipun lantang membicarakan tentang kecekapan, ketelusan dan akauntabiliti atau "C.A.T", kerajaan negeri Pulau Pinang pimpinan DAP bagi penggal kedua telah menjadi sinonim dengan skandal dan tadbir urus yang jelas merosot. Dari bukit botak ke terowong yang meragukan, Negeri Pulau Pinang kini menyaksikan menurun secara berterusan di bawah naungan Lim Guan Eng. Harga rumah mendadak begitu tinggi sehingga kebanyakan rakyat Pulau Pinang tidak lagi mampu memiliki rumah. Pencemaran alam sekitar akibat pembangunan melampau serta penambakan tidak terkawal yang merosakkan flora dan fauna sedang menjelas Pulau Pinang sebagai pusat tarikan pelancong. Banyak kilang elektronik terpaksa gulung tikar dan berpindah ke tempat lain atau mengurangkan pengeluaran kerana Pulau Pinang bukan lagi tempat yang mudah untuk menjalankan perniagaan seperti dulu.
- E2. Pulau Pinang bukan lagi mutiara asia timur yang bersinar. Laluan Gurney seakan hilang, manakala bukit di Pulau Pinang telah dibotakkkan secara sengaja. Sebelumnya kerajaan negeri diterajui oleh Gerakan berjaya memastikan pembangunan mampan di Pulau Pinang serta kejayaan hebat termasuk memastikan perumahan yang mampu milik, penyenaraian George Town sebagai Warisan Dunia UNESCO dan pengembangan industri

berteknologi tinggi. CAT telah hancur sepenuhnya disebabkan tindakan pemimpin DAP itu sendiri dan bukan dari mana-mana kuasa luaran. Hari ini, Pulau Pinang semakin teruk.

- E3. Di Selangor, lebuhraya dibina dengan mengorbankan beberapa komuniti tetap, dan merentasi satu hutan simpan. Pengumpulan sampah dan sanitasi telah kian merosot. Kesemua ini menjurus kepada kemerosotan kualiti hidup rakyat secara keseluruhan. Gerakan tidak berdiam diri. Kita telah berada di barisan hadapan dalam mengkritikkan kerajaan negeri Pulau Pinang dan Selangor. Pemimpin-pemimpin kita telah dikenakan tindakan undang-undang tetapi saya beri jaminan kita tidak gentar. Kita akan bercakap tanpa rasa takut atau memihak kepada sesiapa demi kepentingan rakyat.
- E4. Seperti yang saya katakan sebelum ini, meskipun kita berbangga dengan pencapaian kita dahulu, kita tidak boleh berpuas hati dengan kejayaan yang lalu. Kita mesti membina sebuah naratif yang baru. Gerakan sebagai parti utama dalam BN Pulau Pinang akan terus memperjuangkan nasib rakyat dan pada masa yang sama memperkenalkan naratif alternatif yang akan memberi tumpuan kepada pembangunan mampan, pendidikan dan inovasi, perumahan mampu milik, perlindungan alam sekitar dan memperkasakan belia. Ini akan menjadi teras utama strategi kami untuk memimpin Negeri Pulau Pinang ke arah membina masa depan yang lebih cerah bagi semua rakyat Pulau Pinang.

#### **F. PILIHAN RAYA UMUM KE-14: DETIK PENTING GERAKAN**

- F1. Pilihan Raya Umum Ke-12 dan ke-13 sememangnya sangat rumit bagi Gerakan. Kita kehilangan kubu tradisi kita di Pulau Pinang dan sebahagian besar kerusi. Pemimpin-pemimpin kita terpaksa menyesuaikan diri mereka dengan menjadi pembangkang di Pulau Pinang dan Selangor. Ini memang sangat sukar, kerana ia memerlukan banyak kesabaran, persefahaman dan ketabahan. Tapi ini merupakan panggilan kesedaran. Kita tewas kerana kita menjadi renggang dan kita tidak membuat pilihan yang tepat dan bernas. Tambahan pula, kita membiarkan diri kita terperangkap dengan

propaganda negatif dan taktik memecah-belahkan oleh pihak pembangkang.

- F2. Sekiranya ada iktibar yang dapat diambil daripada Pilihan Raya Umum ke-12, hanya mengamalkan kerja baik sahaja tidak semestinya dapat menyakinkan rakyat. Kami memerlukan strategi komunikasi yang baik dan berkesan terutama pada masa dan zaman ini di mana media sosial telah mengubah aliran maklumat.
- F3. Justeru itu, persediaan untuk Pilihan Raya Umum ke-14 akan menjadi detik penting Gerakan. Kita tidak mampu lagi mengulangi kekalahan besar Pilihan Raya Umum ke-12 dan ke-13. Kita mesti melawan balik dengan setiap tenaga dan semangat. Kita mesti memperjuangkan hak rakyat dan menawarkan diri sebagai alternatif kepada Pakatan Harapan Rakyat, terutamanya di Negeri Pulau Pinang.
- F4. Gerakan adalah parti pertama yang mengenal pasti calon tiga tahun sebelum tarikh akhir pilihan raya umum akan datang. Sebabnya saya berbuat demikian adalah kerana kita perlu bersedia lebih awal dan calon-calon kita perlu menyesuaikan diri dengan pengundi di kawasan mereka. Seperti biasa, memang ada mereka yang berusaha untuk melobi atau membuat kacau kerana tidak dipilih, maka lebih baik kalau dapat mengendali dan menyelesaikannya lebih awal supaya tidak menjelaskan peluang kita sebelum atau semasa kempen pilihanraya.
- F5. Semua calon berpotensi telah diberikan taklimat dan panduan atas cara mengorganisasikan pasukan berkempen, membuat analisis ke atas kawasan masing-masing dan membina pangkalan sokongan di akar umbi. Saya telah memberi arahan yang tegas kepada mereka untuk bersiap sedia dalam masa tiga hingga enam bulan yang akan datang. Maka, saya menggesa anda semua untuk berusaha kuat, dan mencuba sedaya upaya serta menunjukkan keikhlasan dan komitmen. Anda akan dinilai dari semasa ke semasa mulai sekarang. Mereka yang gagal dalam prestasi akan digugur.

- F6 Saya menggesa ahli-ahli parti di semua peringkat untuk memberi sokongan kepada calon-calon berpotensi kita. Saya juga menyeru orang ramai supaya memberi Gerakan satu peluang. Di Pulau Pinang dan Selangor, Gerakan di barisan pembangkang berjanji akan menjalankan semak dan seimbang di dalam dan luar dewan undangan. Di Kerajaan Pusat dan negeri-negeri yang lain, kami berjanji akan memainkan peranan yang positif, proaktif dan efektif bagi berkhidmat kepada rakyat menerusi kerajaan, sebagaimana yang telahpun dilakukan oleh kami sebelum ini.

## G. KESIMPULAN

- G1. Saudara-Saudari yang dikasihi, saya telah berada dalam bidang politik selama 21 tahun. Negarawan Prussia Bismark berkata, "Politik adalah seni mengenai kemungkinan dan kebarangkalian." Maksudnya, apa pun boleh berlaku dalam politik. Namun dalam Gerakan, kita sentiasa mengamalkan politik yang berprinsip, berlandaskan nilai-nilai keadilan, kesamarataaan, kesaksamaan dan saling hormat-menghormati.
- G2. Gerakan bukan parti politik dalam erti kata konvensional tetapi kita adalah sebuah gerakan rakyat. Dalam tempoh dua (2) tahun lagi, kita akan menyambut Jubli Emas kita (Ulang Tahun ke-50) dan saya berasa bangga kita ada banyak untuk ditunjukkan kepada rakyat. Kita telah menyumbang kepada pembangunan Malaysia, terutama di Pulau Pinang. Di peringkat kebangsaan, Mendiang Tun Lim Keng Yaik adalah Menteri Perusahaan Utama yang paling lama berkhidmat. Saya kini berkhidmat sebagai Menteri Perusahaan Perladangan dan Komoditi dan ianya merupakan satu kepulangan. Gerakan turut menyumbang kepada penubuhan program kolej berkembar dan membantu dalam penggubalan enakmen Akta Pendidikan 1996 yang melindungi pendidikan vernakular.
- G3. Ya, memang betul kita telah berusaha sedaya upaya dan mencapai agak banyak. Namun realiti politik adalah ianya sentiasa naik dan turun. Ada masa baik, ada masa buruk. Tetapi kita perlu memperbaharui diri kita dan kekal komited kepada idealisme pengasas parti. Kita tidak boleh goyah bila dalam

kesukaran dan hendaklah terus menangani dan mengatasi cabaran yang kita hadapi.

- G4. Namun kita juga perlu berfikir panjang dan mendalam tentang masa depan parti. Pemuda dan Wanita perlu berusaha merekrut lebih ramai ahli serta memperluaskan asas keahlian. Kita akan menujuhkan perkongsian strategik dengan pertubuhan-pertubuhan yang sealiran fikiran serta terus berusaha untuk memajukan sebuah Malaysia yang sederhana.
- G5. Kita juga harus membezakan diri daripada pesaing kita. Gerakan adalah parti yang mencari penyelesaian. Kita sentiasa menjadi peneraju dalam berkongsi idea-idea kita tentang reformasi dana politik, bajet dan ekonomi, pendidikan dan inovasi serta undang-undang dan hak asasi manusia. Ada ketikanya kita tidak mendapat kesemuanya apa yang kita memperjuangkan tetapi politik juga adalah satu usaha berkompromi. Bekerjasama demi kepentingan negara sememangnya merupakan satu penghormatan dan kewajipan.
- G6. Bagi mengakhiri ucapan dasar ini, saya sekali lagi ingin mengucapkan terima kasih kepada Perdana Menteri memberi amanat melalui video dan saudara-saudari kerana hadir pada hari ini serta memberi sokongan dan pemahaman yang berterusan. Kepada semua Gerakanists, berdirilah dan berbangga, sentiasa ingat bahawa kita adalah sebuah parti yang baik, melakukan yang terbaik untuk Malaysia yang sangat kita cintai. Kepada semua rakyat Malaysia, marilah kita bersatu demi kemajuan dan kemakmuran, demi Malaysia yang sederhana dan moden.

## 民政党全国主席马袖强同志政策演词

### 民政党第 45 届全国代表大会

2016 年 10 月 9 日（星期日）

我谨此欢迎在座各位出席我党第45届全国代表大会开幕，也致以最深的谢意。我们感激出席大会的各成员党代表、外国使团代表、非政府组织和媒体朋友们。我欢迎出席大会的所有党全国代表，同时也衷心感谢那些为了确保这次大会成功举行而任劳任怨的同志们。

#### A. 挑战与机会

- A1. 在去年的演词中，我谈到了必需应对动荡中的世界局势。过去一年，这项挑战益发艰巨，我们面临全球经济增长放缓，原产品价格下降、亚洲、欧洲甚至美国的恐怖袭击、种族和宗教间互不相容现象加剧，日益恶化的收入不均等。中国也面临着经济增长放缓。欧盟也受欧债危机持续、失业率居高不下和投资率低的问题所困，其增长率预计将下降至 1. 6%，而成员国依然穷以应对。
- A2. 我国马来西亚是一个开放型经济和社会，因为通过先进的通讯与交通，与世界紧密联系，因此无法避免地受到这些危机和挑战的负面影响。我们得以继续在 2016 年第一季度享有 4. 1% 的健康经济增长。虽然我国主要贸易伙伴面临经济增长放缓，但我们依然继续维持着贸易顺差。尽管政府财政收入下降，但我们的财政赤字依然维持在国内生产总值的 3. 1%。这一切都加强市场对政府财政管理的信心。
- A3. 我国也幸免于伊斯兰国（ISIS）的攻击。ISIS 不尊重我们的生活方式、信仰和价值，也不能代表伊斯兰。我们必须认真看待此威胁。警方已侦破并阻止很多袭击企图，我们非常感激他们确保我们的安全。我国得以继续繁荣，是因为施行正确和具体的政策和全民对维持和平与和谐的承诺。

- A4. 东盟和东亚的区域合作继续保持增长。这与欧洲和美国的趋势相反，极端右翼运动已首次自世界第二大战后，在这两个区域取得立足点。英国因为移民恐慌，而作出了脱离欧盟的决定。同时，特朗普在美国的冒起，对一直以来为世界贸易、区域合作、开放和包容而斗争的政策制定者带来了挑战。
- A5. 在那些所谓更成熟民主国度内，不和谐的声音日益嘈杂，而政治势力，不论左倾或右倾，皆矛盾对立，背道而驰。显然的，这些国家无法像我国般，持续地秉持多元文化。
- A6. 我国和国民还能持续享有很多机会，是因为国阵以中庸为基础的分享权力方案和兼容并纳理念，依然是最适合我国的国情，确保成长的方程式。敦陈修信和敦善班丹虽然是少数族群成员，但他们于 50-60 年代已在内阁掌管重要职位，这都早于美国非裔获得投票权，以及在澳洲、英国或加拿大内阁内拥有少数族群代表。我们这和而不同的记录和经验，应该加以提升以维续成为世界的楷模。这是西方国家应该采纳“向东学习”政策的时候了。

## B. 中庸：力行胜于言论

- B1. 从伊斯兰国的极端主义斗争，直到现在欧洲、美国和其他国家的右翼民族主义政党的崛起，中庸主义的推行显得更为重要了。听到中庸或许令人感到沉闷，但这却是我们在多极化和多元文化世界内和平共存的唯一方式。
- B2. 民政党的立场是我国不宜推行伊斯兰刑事法，也决不能作为国阵的议程之一，我们对此坚定不移。如果我国拥有两个不同的刑事司法制度，那我国将无法继续维持作为一个团结、先进和现代化的国家。民事法和伊斯兰法现今拥有明确的独立界限，必须继续维持下去。历史提醒我们，当宗教和政治混为一体，以引发暂时性的民粹主义时，这注定将要失败，且导致倒退。
- B3. 1965 年回教法庭（刑事权限法令）（355 法令）的修订绝不能作为实行伊斯兰刑事法的后门管道。伊斯兰党对于其建议修订 355 法令的企图，必须表现出坦

诚、公开和真诚的态度。伊党所建议的条文并不明澈，赋予法庭近乎无限制的判决权，这将会被滥用。我重申，我们尊重伊斯兰作为联邦宗教，但所有国民也必须负起宪法里尊重宗教自由的责任。

- B4. 此外，警方也必须采取行动对付任何发表敏感性言论的人士，即使他们是我们的支持者，因为只有公平施法，法治才能发挥作用。因此，任何人发表挑起恶意情绪的言论，都必须面对法律制裁。
- B5. 因此，我呼吁所有政党，不论在朝在野，一起加入我们打造一个中庸马来西亚的行列。在欢庆国庆日和马来西亚日之际，民政党推出了多项措施，鼓励所有族群更多交流。我们鼓励设立更多包涵各族群、论坛和讨论的脸书群组、Whatsapp 和微信的聊天群组，这能让我们互相学习和互相尊重。建设和维持一个团结的马来西亚，是所有国民的承诺。我们必须在家、邻里、学校、工作场所、政党和公民社会中推行中庸。当谈到中庸，马来西亚需要的是力行多过于言论。

## C 以民为本的 2017 年财政预算案

- C1. 民政党已针对 2017 年财政预算案提出了一系列建议。我们了解政府的财政收入因为油价下跌而减少，因此民政党全力支持整顿和充分善用政府开支、减少浪费和引进新技术。长远来看，这将有益于国家。
- C2. 民政党呼吁设立一个国民奖学金，通过对所有收入超过 100 万令吉的国民，以及盈利超过 3 亿令吉的公司，调涨 1% 的税收，从中获资。这个新的国民奖学金必须以绩效来颁发。我们必须尽己所能挽留人才。奖学金受惠者必须回国服务 10 年，他们将会成为我国政治、经济和社会领袖的新生代。
- C3. 为了提升金融制度的货币流动性，我认为政府应允许所有将钱储存在国外的国民将他们的钱汇回来投资或消费，而只需缴付 10% 的统一税率。这个特赦方案，所带来的货币流动性，将允许银行为人民，尤其是购屋者，提供更多贷款。

#### D. 国阵：需要更进一步革新的革新联盟

- D1. 过去 2 年对国阵而言是极其艰难的，朋友变成敌人；一些我们赋予信任和权力的领袖，却变成了披着羊皮的狼。首相和政府都遭受那些我们曾经给予支持的人诬蔑。
- D2. 现在，国阵转型议程的阻碍者已离开了，这是我们加速国阵转型议程的时机了，以确保马来西亚能迈向走在正确的轨道上，因为我们还要面对未来 50 年的挑战。我们必须无惧和大胆改革，因为只有我们做出正确的决定，人民才会支持我们。
- D3. 我认为，政府转型计划中第一阶段的社会、政治和经济已取得了令人鼓舞的成绩。尽管全球经济放缓，但我们的经济依然继续增长。同时，贫困率也已降低。我们推行了最低薪金制，并构建了一个可行的社会保障体系。我们也通过建立 MRT 和延长 LRT，逐步改善了城市的公共交通。此外，我们也为乡区带来了完善的道路、水电和房屋。外资的再投资也依然维持强盛，因为投资者也对我国的管理制度有信心。
- D4. 在执政近 60 年后的今天，国阵必须思考在未来 50 年如何与时并进。民政党曾历经一个惨痛的教训，那就是单只依赖过往的成就是不再能说服选民的，因为他们拥有更多的资讯，而对执政者的期望和要求也更多了。过去的说辞已不能再满足人民，因为种族的不安已被民生和持续发展的挑战逐步取代。因此，我们必须为马来西亚构建一个新的愿景。
- D5. 一个充满活力、进步和有抱负的愿景。一个可以让国阵转型发光发亮，以及带给人民有信心，更美好的日子将会到来。在这愿景上，所有国民必须能够参与，让我们集体建立一个共享的未来。因此，我呼吁政府成立一个由政治、学术、政府、社会和企业领域专家们组成的全国协商理事会，一起草拟这个新愿景。这是我们解决我们之间分歧的时候了，我们要诚恳和认真地建立共同点，并将我们的多元性转化为真正的力量。

D6. 同时, 我们也需要针对国阵的重整进行急切的辩论。我们必须坦诚辩论, 在经过 59 年后, 种族政治模式是否依然合时宜。种族差异必须让路于国家愿景。马来西亚民族主义是我国的未来, 而不是各自的民族中心主义。我们必须努力克服这苛刻的现实, 才能确保我们能继续合时宜和领先未来。

#### E. 希盟: 卖弄假希望导致失败

E1. 尽管反对党一直呼吁能力、透明和公信, 但行动党领导的第二届槟州政府却与丑闻纠缠不清, 也有很明显的管理赤字。从光秃山头至闪缩的海底隧道, 槟州在林冠英的领导下, 表现逐步下滑。房价过高, 导致普遍槟州人民没有能力购屋。槟州因为肆无忌惮地开发和开垦, 导致环境恶化, 破坏了让槟州作为闻名旅游景点。很多电子厂倒闭和转移到其他地方, 因为槟州不再是有如过往那么易于经商的地方。

E2. 槟州不再是璀璨的东方明珠, 关仔角已在消失中, 而槟州的山林也被恣意地被破坏。过往民政党领导的州政府, 确保槟州持续性的发展, 我们达致的重大成就, 其中包括确保兴建可负担房屋、成功将乔治市列入世界文化遗产和迈向高科技产业。CAT 已彻底被行动党领袖自己的行动粉碎, 并非外来的力量。如今, 槟州越来越糟了。

E3. 在雪兰莪, 在开辟中的高速公路, 将一些已建立的社区和一个森林保护区牺牲掉了。垃圾处理和卫生设备非常糟透, 显示了人民的生活素质整体下降。民政党并不沉默, 我们一直站在监督槟雪两州政府的前线。我们的领袖甚至因为这样而被诉讼, 但我向您保证, 我们绝不因此而退缩。我们会为了人民的利益, 无惧无私地继续发言。

E4. 正如我刚才所说的, 虽然我们对所达到的成就感到自豪, 但我们不能停留在过去的辉煌。我们将构建一个新的蓝图。作为槟州国阵的领导, 民政党将继续人民斗争, 同时也推行专注于持续性发展、教育与创新、可负担房屋、环保和青年赋权的替代方案。这将是我们为槟州建立一个美好未来的重要策略。

## F 第 14 届全国大选：民政党的重要时刻

- F1. 第 12 届和第 13 届全国大选对民政党而言是非常艰难的，我们失去了槟州这个传统地盘和大部分议席。我们的很多领袖都需自我调整，成为槟州和雪州的反对党。这不是一项容易的任务，因为需要耐心、理解和毅力，但这是一个警示。我们落败是因为我们与时代脱节，没有做出正确的选择和发声。此外，我们让自己陷入反对党负面和分裂的宣传攻势中。
- F2. 从第 12 届全国大选中我们已汲取到一个教训，即我们所付出的努力不一定会被人民赏识。我们需要很好和有效的沟通策略，尤其是在这个时代，社交媒体已改变了信息的流通。
- F3. 因此，备战第 14 届全国大选将会是民政党的重要时刻。我们不能再承受第 12 届和第 13 届全国大选的失败，反之必须全神全力打一场翻身战。我们必须继续全心全意为人民而斗争，尤其是在槟州准备取代希盟。
- F4. 民政党在 3 年前就已开始鉴定候选人，是第一个如此做的政党。我如此做是因为我们必须提早准备，候选人必须熟悉各自的选区。通常一些没被选中的会再争取或闹事破坏，那么我们就更应该及早解决，而不要等到竞选即将开始或正在进行中争议而危及胜算。
- F5. 我们已经向所有有潜质的候选人给予汇报和指导，如何组织竞选团队、对各自选区进行分析，以及建立基层的支持基础。我已经指示他们在未来 3 至 6 个月内做好准备。因此，我呼吁大家努力工作和尽己所能，并展现诚意和承诺。从现在开始，你们将会定期接受评估，没有表现者将被除名。
- F6. 我呼吁所有各级党员支持我们的有潜质候选人，我也吁请人民给民政党一个机会。在槟州和雪州，作为反对党的民政党，承诺将在州议会内外进行制衡。在中央政府和其他州属，我们承诺将继续扮演积极、主动和有效的角色，正如以往，通过政府来内部争取服务人民。

## G 结语

- G1. 同志们，我投身政治已 21 年。普鲁斯政治家俾斯麦曾说“政治是可能的艺术”，他指的是在政治，任何事情都可能发生。但在民政党，我们一直都实践着公正、平等、公平和互相尊重的政治原则。
- G2. 民政党不是传统意义上的政党，我们是人民的运动。再过两年，将是我们的 50 周年金禧年，过去我们为人民做了很多，为此而感到自豪。我们为马来西亚的发展历史做出了贡献，尤其是在槟州。在国家层面，已故敦林敬益医生是掌管原产业部最久的部长，而我现在作为种植与原产业部长，这犹如回到了老家。民政党也曾为国内大专学院开创设立双联课程的学制及协助在 1996 年教育法令下，给予母语教育保障。
- G3. 回顾过去我们确实已竭尽所能。但政治是残酷的现实，总有跌宕起伏，也有顺境逆境。因此我们必须自我调整，并继续致力于建党理念。我们不能在逆境中放弃，必须面对和克服一切所可能出现的挑战。
- G4. 然而，我们也必须慎重考虑党的未来。青年团和妇女组需要招募更多党员，扩大我们的党员基础。我们将与理念相同的组织缔结策略伙伴合作关系，继续推动中庸的马来西亚。
- G5. 我们必须从竞争对手中脱颖而出。民政党是一个以解决问题为本的政党，我们时常在前线分享我们的理念，如政治献金转型、财政预算案与经济、教育与创新，以及法律与人权等课题。当下我们未能得到我们所预期的一切，但政治也是一种妥协。为了国家利益，共同努力是一种荣誉和责任。
- G6. 在我还未结束政策演词前，我再次感谢首相通过录像献词及所有出席今日大会的嘉宾，给予的支持和谅解。至于全体民政党同志们，你们应昂首挺胸，巍然屹立和感到自豪，必须谨记我们民政党是一个好的政党，为我们挚爱的国家做

得最好。对于所有国民, 让我们团结一致, 迈向进步与繁荣, 为一个中庸和现代化的马来西亚而尽心尽力。

**POLICY ADDRESS OF SDR. MAH SIEW KEONG  
NATIONAL PRESIDENT OF PARTI GERAKAN RAKYAT MALAYSIA (GERAKAN)  
45<sup>th</sup> NATIONAL DELEGATES' CONFERENCE 2016  
SUNDAY, 9<sup>TH</sup> OCTOBER 2016**

I would like to express our deepest gratitude to the attendants and to welcome you to our 45<sup>th</sup> National Delegates Conference (NDC). We are also touched by the presence of our comrades from Barisan Nasional (BN) component parties, representatives from foreign missions, NGOs, and friends of the media. I welcome all delegates present and thank all those who have devoted themselves in ensuring the success of this NDC.

**A. CHALLENGES AND OPPORTUNITIES**

- A1. In my address last year, I spoke about coping in a world in turmoil. In the past one year, the challenges have become even more daunting. We are confronted by slowing global economic growth, dip in the prices of commodities, terrorist attacks in Asia, Europe and even the US, the rise of racial and religious intolerance and worsening income inequality. China is also experiencing a slowdown in its economic growth. In the European Union (EU), the debt crisis continues, unemployment remains high, investment is low. The growth rate is projected to dip to 1.6% and member states are still grappling on the way forward.
- A2. Malaysia is not insulated from all these crises and challenges because we are an open economy and an open society closely interconnected to the world with advances in communication and transportation. However, we continue to enjoy a healthy economic growth of 4.1% in the 1<sup>st</sup> half of 2016. We continue to maintain a trade surplus despite slowing economic growth in our major trading partners. Despite the drop in government revenue we have maintained the fiscal deficit at 3.1% of gross domestic product (GDP). All these reinforced the confidence of the markets in the government's management of the economy.

- A3. Malaysia has also been shielded from the attacks by the Islamic State of Iraq and Syria (Daesh). Daesh has no respect for our way of life, beliefs and values and they do not represent Islam. However, we must still take this threat seriously. The police have scuttled a number of planned attacks and we owe them gratitude for keeping us safe. Malaysia will continue to prosper because of sound and focused policymaking coupled with the commitment of all Malaysians to ensure our nation remain peaceful and harmonious.
- A4. Regional cooperation in ASEAN and the East Asia Community continues to gain momentum. This is in contrast with the trend in Europe and the USA where extreme right wing movements have gained a foothold for the first time since World War II. The decision of the United Kingdom to leave the European Union, driven by the fears of immigration, and the rise of Donald Trump in the USA poses challenges to policy makers who have long championed world trade, regional cooperation, openness and tolerance.
- A5. The growing voices of discord in the so-called more matured democracies and with all political forces, both left and right, moving in centrifugal directions. It is evident that these countries have failed to embrace multiculturalism in a sustainable way unlike Malaysia.
- A6. Opportunities continue to abound for Malaysia and Malaysians because the Barisan Nasional (BN) concept of power sharing and inclusiveness based on moderation remains the best formula for Malaysia. This has been proven to be the solid basis for our growth as a nation so far. Tun Tan Siew Sin and Tun Sambathan, despite being members of minority communities, were holding important posts in our nation's Cabinet in the 50s and 60s before African Americans in the USA could vote or the Cabinets of Australia, the United Kingdom or Canada had any minority representation. It is time our past record and experiences of harmony in diversity be further enhanced and remain as a model for the world. It is also about time for the West to adopt a look east policy.

**B. MODERATION: DEEDS MORE THAN WORDS**

- B1. As the world battles extremism from Daesh and the rise of far-right nationalist parties in Europe, the US and elsewhere, the need for moderation has never been more pivotal. Moderation may sound boring but it is the only way we can survive in the multipolar and multicultural world.
- B2. Gerakan remains steadfast that the implementation of Islamic Criminal Law or Hudud must cannot and must not be part of BN's agenda. Malaysia will not be able to sustain itself as a united, progressive and modern nation if we have a dual criminal justice system. The division between civil and Islamic law was clear at the time for Independence and must remain so. History reminds us that when religion and politics are mixed together to engender temporary populism, it is a project that is doomed to fail with debilitating consequences.
- B3. Amendments to the Syariah Courts (Jurisdiction) Act 1965 [Act 355] must not be used as a backdoor attempt to implement Islamic criminal law. PAS must be frank, open and sincere and come clean on its attempt to amend Act 355. The amendments of Act 355 proposed by PAS lack clarity and confer near unlimited power of sentencing and this opens it to abuse. I want to reiterate that we respect Islam as the religion of the Federation but it is also the constitutional duty of all Malaysians to respect the freedom of religion.
- B4. Furthermore, the police must take action against all those who utter insensitive remarks even though they are our supporters, because the rule of law can function only if there is equal application of the law. Anyone who says anything, which can stir up feelings of ill will, must face the full force of the law.
- B5. In this context, I call on all political parties, friends and foes alike, to join us in our movement for a Moderate Malaysia. In the run up to the National Day and Malaysia Day celebrations, Gerakan launched a number of initiatives to encourage greater interaction amongst all ethnic groups. We encouraged the setting up of Facebook groups, Whatsapp and Wechat chat groups of various races, forums and discussions; so that we can learn more about one another

and appreciate one another. The work of building and sustaining a united Malaysian nation is the full-time commitment of every Malaysian. We have to practice moderation at home, in the neighborhood, in schools, in the work place, in political parties (a'la Churchill) and in civil society. Malaysia needs more deeds than words when it comes to moderation.

**C. BUDGET 2017: A PEOPLE'S BUDGET**

- C1. Gerakan has made a number of recommendations for Budget 2017. We understand that the government's revenue base has shrunk due to the drop in oil prices. Hence, Gerakan wholeheartedly supports the government's efforts to consolidate and optimize government spending but cutting wastage and embracing technology. This will serve us well in the long run.
- C2. Gerakan calls for the formation of a National Scholarship to be financed by raising taxes by 1% on all Malaysians earning more than RM 1 million and companies with revenue of more than RM 300 million. This new National Scholarship must be purely based on merit. We must do all that we can to retain the talent that we have. Recipients of this scholarship must return to serve the government for ten (10) years and they will be the next generation of political, economic and social leaders.
- C3. In order to increase liquidity in the financial system, I believe the government should encourage Malaysians with funds overseas to repatriate their money for investment and consumption and pay a flat tax of only 10%. The increased liquidity generated by this amnesty program will allow banks to offer more loans especially to homebuyers.

**D. BARISAN NASIONAL: A REFORMIST COALITION THAT NEEDS FURTHER REFORM**

- D1. The last two years has been difficult for BN. Friends have become foes. Those we trusted with power and reposed our faith in turned out be wolves in sheep's clothing. Those we once supported are undermining the Prime Minister and government.

- D2. But, now that the drag on BN's reformist agenda has exited BN, the time has come for us to accelerate our agenda of reform to ensure Malaysia remains on the right footing as we embrace the challenges of the next 50 years. We must not fear big and bold changes because the people will support us if we make the right decisions.
- D3. I believe the first phase of the social, political, economic and government transformation programmes have already yielded encouraging results. Our economy continues to grow despite the global slowdown. Poverty has been reduced. We have introduced a minimum wage and constructed a viable social safety net. We have improved urban public transportation with the MRT and LRT extension. We have brought good roads, water, electricity and housing to the rural areas. Foreign investment remains strong and investors have confidence in our management of the country.
- D4. But beyond all of these, after almost 60 years, BN must have a proper think on how it wishes to be relevant for the next 50 years. One lesson we in Gerakan have painfully learnt to support us is that resting or relying on past successes will not persuade the electorate as they become more informed and more demanding on the government. The rhetoric of the past will no longer cut it as ethnic insecurities give way to greater concerns over livelihood and sustainability. As such, we must construct a new vision for Malaysia.
- D5. A vision that will be vibrant, progressive and ambitious. A vision that will burnish the reformist credentials of BN and give people confidence that our best days have yet to come. In this vision all Malaysians must have a part so we can collectively build a future that we will share together. So I call on the government to form the National Consultative Council comprising of experts from politics, academia, government, social organizations and the corporate sector to sit down and draft this new charter. It is time we thrash out our differences sincerely and seriously building on commonalities and converting our diversity into real strength.

D6. Also, we need to have urgent consultation on the consolidation of BN. We must have a frank debate on whether the race-based political model is still relevant after 59 years. Ethnic differences must yield to national aspirations. Malaysian nationalism is the future for Malaysia, not ethnocentrism. There are the hard truths that we must grapple with as we seek to ensure our continued political relevance now and in the future.

#### **E. PAKATAN HARAPAN RAKYAT: SELLING FALSE HOPES LEADING TO FAILURE**

- E1. Despite making valiant calls for "Competency, Accountability and Transparency" or "CAT", the DAP-led state government of Penang's second term has been synonymous with scandals and a clear governance deficit. From balding hills to dodgy tunnels, Penang is witnessing a steady decline under the aegis of Lim Guan Eng. House prices are so high the average Penangite can no longer own a home. Environmental degradation due to wanton development and unbridled reclamation is ruining the flora and fauna, threatening Penang as a mainstay tourist attraction. Many electronic factories have closed shop and moved elsewhere or reduced production because Penang is not the easy place to do business as it once was.
- E2. Penang is no longer the shining pearl of the orient. Gurney drive is disappearing while the hills of Penang are being wantonly desecrated. The previous Gerakan-led state government ensured sustainable development in Penang and our great successes include ensuring the push towards affordable housing, the UNESCO World Heritage listing of Georgetown and high tech industries. CAT has been completely shattered by the actions of DAP's own leaders and not by any extraneous force. Today, Penang is much worse off.
- E3. In Selangor, highways are being built at the expense of established communities and cutting through a forest reserve. Garbage collection and sanitation have deteriorated, all these point to an overall drop in the quality of life for the people. Gerakan has not been silent. We have been at the forefront in criticizing the state governments of Penang and Selangor. Our leaders have

been slapped with lawsuits but I assure you we will not be cowed. We will speak without fear or favour in the interest of the Rakyat.

- E4. But as I said earlier, although we take pride in our achievements, we cannot rest on past glory. We must construct a new narrative. Gerakan as the leading party in BN Penang will continue to champion the causes of the rakyat but at the same time introduce an alternative narrative that will focus on sustainable development, education and innovation, affordable housing, environmental protection and youth empowerment. This will be the key thrust of our strategy in Penang, towards building a brighter future for the people of Penang.

#### **F. THE 14<sup>TH</sup> GENERAL ELECTION: GERAKAN'S SEMINAL MOMENT**

- F1. The 12<sup>th</sup> and 13<sup>th</sup> General Elections were very tough for Gerakan. We lost our traditional power base of Penang and most of our seats elsewhere. Our leaders had to readjust themselves to being in opposition in Penang and Selangor. It has been very difficult, as it required a lot of patience, understanding and fortitude. But it is a wake up call. We lost because we were out of touch and we did not make the right choices and noises. Furthermore, we allowed ourselves to be trapped by the negative and divisive propaganda of the opposition parties.
- F2. If there were one lesson from the 12<sup>th</sup> General Elections that we have learnt, our good work alone would not convince the people. We need a good and effective communication strategy especially in this day and age where social media has transformed the flow of information.
- F3. As such, in preparation for the 14<sup>th</sup> General Election will be Gerakan's seminal moment. We cannot afford the repeat of the huge losses of the 12<sup>th</sup> and 13<sup>th</sup> General Election. We must fight back with every ounce of energy and passion. We must champion the causes of the people and offer ourselves as the alternative to the Pakatan Harapan Rakyat especially in Penang.

- F4. Gerakan was the first party to identify its candidates three years before the due date of the next general election. My reason for doing so is because we need to be prepared in advance and the candidates must familiarize themselves with their constituents. As usual, there will be those who seek to lobby or cause mayhem because they are not chosen. Then it is better that we sort it out early, so that we do not jeopardize our chances just before and during the election campaign.
- F5. All the potential candidates were given briefing and guidelines on how to organise their campaign teams, conduct analysis on their respective constituencies and build up their support base on the ground. I have given a strong directive to all of them to get ready in the next three to six months. Hence, I urge all of you to work hard, to do your very best and to show sincerity and commitment. You will be assessed periodically from now on. Those who failed to perform will be dropped.
- F6. I urge party members at all levels to give support to our potential candidates. I also appeal to the people to give Gerakan a chance. In Penang and Selangor, Gerakan in the opposition pledges to provide the checks and balances in and outside of the legislative assemblies. In the Federal Government and the other states, we pledge to play our positive, pro-active and effective roles to serve the people through the government, as we have done in the past.

## **G. CONCLUSION**

- G1. Dear Saudara-Saudari, I have been in politics for 21 years. The Prussian statesman Bismark said, "Politics is the art of the possible and the next probable." He meant that anything could happen in politics. But in Gerakan, we have always practiced principled politics anchored on the values of justice, equity, fairness and mutual respect.
- G2. Gerakan is not a political party in the conventional sense but we are a movement of the people. In two (2) years, we will celebrate our Golden Jubilee

(50<sup>th</sup> Anniversary) and I am proud we have a lot to show the people. We have contributed to Malaysia's development story, especially in Penang. At the national level, the late Tun Lim Keng Yaik was the longest serving Minister of Primary Industries. I now serve as the Minister of Plantation Industries and Commodities and it is a homecoming. Gerakan also contributed to the establishment on twinning programs for colleges and assisted with the enactment of the Education Act 1996 that has protected vernacular education.

- G3. Yes, it is true we have done our best and achieved quite a lot. But the reality of politics is that there are always ups and downs. There are good times and bad times. So we have to renew ourselves and remain committed to the founding ideals of the party. We cannot waver in adversity and have to handle and overcome the challenges we face.
- G4. But we must also think long and hard about the future of our party. The youth and wanita wings have to recruit more members and widen our membership base. We will form strategic partnerships with like-minded organizations and continue to push for a moderate Malaysia.
- G5. We must also differentiate ourselves from our competitors. Gerakan is a solution-based party. We have always been at the forefront in sharing our ideas on political funding reform, the budget and economy, education and innovation and the law and human rights. At times we do not get all that we fight for but politics is also an exercise of compromise. Working together in the national interest is an honour and a duty.
- G6. As I end my policy address, I once again thank the Prime Minister for his special video-message and all of you for joining us today for your continued support and understanding. To all the Gerakanists, stand tall and proud, always remember we are a party of good people doing our best for the Malaysia we love unconditionally. And to all Malaysians, let us unite for progress and prosperity, for a moderate and modern Malaysia.